

# MENELUSURI AKAR PERADABAN MELAYU DALAM KEPIMPINAN ABDULLAH BADAWI: HUBUNGAN DUA HALA MALAYSIA – CHINA

*TRACING THE ROOTS OF MALAY CIVILIZATION IN ABDULLAH BADAWI'S  
LEADERSHIP: MALAYSIA-CHINA BILATERAL RELATIONS*

Mohamad Ikhran MOHAMAD RIDZUAN\*<sup>1</sup>

Dg Junaidah AWANG JAMBOL<sup>2</sup>

Diana PETERS<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400,  
Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

\*<sup>1</sup> ikhran@ums.edu.my

<sup>2</sup> dgjunaidah@ums.edu.my

<sup>3</sup> dianap@ums.edu.my

Corresponding author\*

Received: 26<sup>th</sup> November 2024

Accepted: 23<sup>th</sup> April 2025

## Abstract

This article analyzes Abdullah Ahmad Badawi's leadership in Malaysia's foreign policy towards China through a pragmatic diplomatic approach grounded in Malay civilizational values. The study argues that while Abdullah maintained the continuity of close bilateral ties initiated by Mahathir Mohamad, he also introduced a new approach that was more moderate, harmonious, and reflective of Malay characteristics, emphasizing consultation (*musyawarah*) and balance in policy decision-making. Accordingly, this study adopts a qualitative approach through a combination of literature review and semi-structured interviews to examine the implementation of Abdullah's foreign policy across three levels of analysis commonly used in the field of international relations: international, domestic, and individual. The findings indicate that Abdullah's leadership succeeded in strengthening Malaysia–China bilateral relations not only in economic terms, but also in socio-cultural and security dimensions. His initiatives through platforms such as the East Asia Summit and the promotion of the global halal industry demonstrated Malaysia's commitment to building stronger regional synergy with China. Furthermore, the study reveals that Abdullah's modest personality, and his background rooted in Malay civilizational values served as a crucial foundation in shaping a more credible and stable diplomatic posture at the regional level. This study contributes to the discourse on the importance of local cultural elements in shaping the foreign policy of small states and reinforces the significance of leadership personality in international relations. The implications of the study provide deeper insight into how traditional values can be strategically embedded within the increasingly complex international political environment. Future research is recommended to compare Abdullah's diplomatic approach with that of his successors, particularly in the post–Belt and Road Initiative context and in the evolving dynamics of ASEAN–China relations.

**Keywords:** Abdullah's leadership; bilateral relations; Malaysia; China

## Abstrak

Artikel ini menganalisis kepemimpinan Abdullah Ahmad Badawi dalam dasar luar Malaysia terhadap China melalui pendekatan diplomasi pragmatik yang berasaskan nilai peradaban Melayu. Kajian menghujahkan bahawa walaupun Abdullah meneruskan kesinambungan hubungan erat yang dirintis oleh Mahathir Mohamad, beliau turut membawa pendekatan baharu yang lebih sederhana, harmoni dan mencerminkan keperibadian Melayu yang menekankan musyawarah serta keseimbangan dalam membuat keputusan sesebuah dasar. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif melalui analisis kajian kepustakaan serta temu bual separa berstruktur dalam meneliti pelaksanaan dasar luar Abdullah berdasarkan tiga peringkat korpus ilmu hubungan antarabangsa, iaitu di peringkat antarabangsa, domestik dan individu. Hasil kajian menunjukkan kepemimpinan Abdullah berjaya memperkukuh hubungan dua hala Malaysia-China, bukan hanya daripada sudut ekonomi, tetapi juga dalam aspek sosio budaya dan keselamatan. Inisiatif beliau menerusi platform seperti *East Asia Summit* dan promosi industri halal global telah membuktikan komitmen Malaysia dalam membina sinergi serantau yang lebih kukuh bersama-sama dengan China. Selain itu, keperibadian Abdullah yang sederhana dan latar belakangnya yang berakar umbi dalam nilai peradaban Melayu menjadi asas penting dalam membentuk corak diplomasi yang lebih dipercayai dan stabil di peringkat serantau. Kajian ini menyumbang kepada wacana mengenai pentingnya elemen budaya tempatan dalam membentuk dasar luar negara kecil serta memperkukuh peranan keperibadian pemimpin dalam hubungan antarabangsa. Implikasi kajian ini membuka ruang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai nilai tradisi yang dimanifestasikan secara strategik dalam suasana politik antarabangsa yang semakin kompleks. Kajian lanjutan dicadangkan untuk membandingkan pendekatan diplomatik Abdullah dengan pemimpin selepas era beliau, khususnya dalam konteks pasca *Belt and Road Initiative* serta evolusi hubungan ASEAN-China.

**Kata Kunci:** kepemimpinan Abdullah; hubungan dua hala; Malaysia; China

## Pengenalan

Dasar luar Malaysia terhadap China dari era cegah rintang sehingga Pasca era Perang Dingin menyaksikan perubahan yang signifikan, iaitu daripada *conflict management* kepada *conflict research* dan *conflict resolution* yang akhirnya membawa kepada *conflict settlement* dalam ruangan dasar luar. Situasi tersebut merujuk kepada hubungan saling bermusuhan kepada era diplomasi dan pragmatik serta akhirnya era kematangan yang membawa kepada saling mempercayai antara kedua-dua buah negara. Mahathir merupakan Perdana Menteri Malaysia pertama yang menjalinkan kerjasama erat dengan China sejak tahun 1980-an. Antara kerjasama yang dijalinkan bukan dalam aspek ekonomi malah meluas dalam aspek sosio budaya dan pendidikan yang dahulunya dianggap sensitif. Beliau juga konsisten dengan pendirian beliau, iaitu menolak teori ancaman China dan tidak pernah menganggap Beijing sebagai sumber ancaman terhadap negara, rantau mahupun dunia.

*“Pak Lah merupakan Perdana Menteri pertama yang aktif menjalinkan kerjasama dengan China dalam bidang sosio budaya, pendidikan dan badan-badan bukan kerajaan. Walaupun demikian beliau dianggap lemah di mata rakyat dan disebabkan itu jarang jasa beliau ditulis, dibahas dan ditonjolkan.*

(Kadir Mohamad, Bekas Penasihat Abdullah, Temu bual 25 Disember 2019).

Berdasarkan petikan di atas, Abdullah Ahmad Badawi atau lebih dikenali sebagai Pak Lah mengambil alih tampuk kepimpinan daripada Mahathir pada tahun 2003 sehingga tahun 2009, beliau telah memilih untuk meneruskan dasar-dasar yang ditinggalkan oleh Mahathir (Saravanamutthu: Temu bual 26 November 2019). Abdullah dilihat tidak meninggalkan sebarang impak yang signifikan lebih-lebih lagi dalam dasar luar Malaysia terhadap China seperti Tun Hussein Onn yang meneruskan deligasi Tun Razak. Walaupun yang demikian, telah berlaku perubahan dan peningkatan yang koheran dalam hubungan dan kerjasama bilateral dalam aspek diplomasi, sinergi ekonomi, politik dan sosio budaya yang tidak pernah berlaku ketika era sebelum ini. Dalam arena politik antarabangsa, beliau telah mengaplikasikan dasar *multilateral binding* terhadap kuasa-kuasa besar yang sedang bersaing, iaitu Amerika Syarikat dengan China. Kerjasama ekonomi pula sebanyak 26 MoU dan 6 MoA telah ditandatangani antara kedua-dua buah negara. Peristiwa tersebut telah menjadikan Malaysia rakan dagang utama China untuk julung kalinya menggantikan Singapura. Keperibadian Abdullah yang sederhana dan mengutamakan konsep musyawarah telah memberikan nafas baharu kepada Wisma Putra dalam sama-sama mencorakkan dasar luar Malaysia (Syed Hamid Albar, Bekas Menteri Luar 1999-2008: Temu bual 20 Disember 2019).

Berdasarkan hujahan di atas, persoalan yang timbul adalah kepimpinan Abdullah yang dianggap lemah telah memberikan impak yang signifikan terhadap dasar luar Malaysia terhadap China. Dalam mendapatkan hasil kajian yang komprehensif, kajian ini menganalisis penstrukturan dasar luar Malaysia terhadap China era Abdullah melalui tiga peringkat analisis yang melibatkan faktor antarabangsa, domestik dan individu. Kajian dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu pertama menghujahkan pendirian Malaysia dalam menghadapi persaingan Amerika Syarikat dan China di rantau Asia Tenggara. Kedua, menganalisis pengukuhan dan perkembangan hubungan bilateral melalui kerjasama *Government-Linked Companies* (GLCs) dan ketiga, mengkaji keperibadian dan latar belakang Abdullah dalam pembentukan dasar luar Malaysia terhadap China. Keempat adalah menilai impak dasar luar Malaysia terhadap China era Abdullah dari tahun 2003 hingga tahun 2009.

### Sorotan Literatur

Kajian ini menelusuri dinamika dasar luar Malaysia terhadap China pada era kepimpinan Tun Abdullah Ahmad Badawi, yang memperlihatkan penekanan terhadap nilai budaya Melayu dan pendekatan diplomatik yang bersifat peradaban. Sorotan literatur ini menyatukan kerangka teori hubungan antarabangsa dengan wacana budaya, sejarah dan ideologi pascakolonial dalam usaha menilai keberkesanan dan keunikan pendekatan diplomasi Malaysia. Pendekatan ini juga mencerminkan orientasi hubungan antarabangsa yang berpaksikan budaya, sekali gus mencabar kerangka epistemologi Barat seperti realisme dan neoliberalisme yang sering mendominasi wacana dasar luar negara kecil. Penegasan terhadap nilai lokal sebagai sumber kekuatan diplomatik menandakan pemulihan naratif bukan Barat dalam amalan geopolitik kontemporari. Pendekatan Abdullah Ahmad Badawi yang bersifat sederhana dan diplomatik dilihat memperkukuh idealisme kepimpinan Melayu yang terhubung dengan tradisi keilmuan dan spiritual. Sepertimana yang diujahkan oleh Zarkasyi (2012), nilai-nilai Islam Melayu seperti *musyawarah*, *hikmah* dan *tawadhu'* yang diangkat dalam tradisi ulama seperti Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari turut dicerminkan dalam gaya kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi yang bersifat inklusif dan penuh kebijaksanaan. Nilai-nilai ini bukan sahaja mencorakkan keperibadian Abdullah sebagai pemimpin pada peringkat individu, malah membentuk orientasi domestik dasar luar yang mementingkan keharmonian antara kaum dan keterangkuman dalam penggubalan dasar. Pada tahap antarabangsa pula, Abdullah menampilkan gaya diplomatik yang menekankan rundingan, konsensus dan kredibiliti moral, sebagaimana yang digambarkan dalam pendekatan "kepimpinan berperadaban" (Ridzuan et al., 2024). Pendekatan ini menampilkan nilai sebagai alat strategik negara kecil dalam menstabilkan hubungan dua hala dengan kuasa besar seperti China, sekali gus memperkukuh kedudukan Malaysia dalam sistem antarabangsa yang sering bersifat asimetrik.

Pengaruh nilai Timur bukanlah fenomena baharu dalam landskap pemikiran politik Melayu. Kajian oleh Uqbah Iqbal et al. (2014) memperlihatkan bagaimana media pada zaman pendudukan Jepun seperti *Fajar Asia* dan *Semangat Asia* mempromosikan nilai-nilai seperti disiplin, kesetiaan dan kerja berpasukan sebagai alternatif kepada sistem nilai Barat. Pada waktu itu, intelektual Melayu mulai terdedah dengan nilai-nilai disiplin sebagai asas untuk membina bangsa yang bermaruah dan berdikari. Kesenambungan daripada ideologi ini memperlihatkan munculnya sosok Abdullah Ahmad Badawi membantu membina semula naratif peradaban Melayu bagi menentang stereotaip kolonial yang telah sekian lama berakar dalam jiwa pihak Barat, iaitu imej "Melayu malas". Abdul Mutalib Embong et al. (2023) membuktikan bahawa stereotaip tersebut merupakan alat kolonial yang digunakan untuk mewajarkan dominasi budaya dan ekonomi penjajah namun, Syed Hussein al-Attas (1977), menolak sekerasnya perspektif ini dengan mengujahkan bahawa imej Melayu malas merupakan tuduhan yang tidak berasaskan kepada kajian saintifik, sebaliknya hanya bersumber kepada keengganan Melayu untuk tunduk kepada sistem kapitalis penjajah. Berdasarkan konteks ini, Abdullah Ahmad Badawi secara halus menolak stereotaip tersebut melalui dasar luar negara yang bersifat hikmah, toleransi dan perundingan. Pendekatan beliau dalam menjalin hubungan dua hala Malaysia-China menunjukkan bahawa nilai Melayu bukan sahaja relevan dalam pentadbiran moden, malah boleh dijadikan sebagai teras strategi diplomatik bagi negara-negara kecil. Abdullah bukan sahaja memainkan peranan penting sebagai pemimpin negara, tetapi turut bertindak sebagai agen pemulihan naratif bangsa dalam arena geopolitik global yang sering bersifat berat sebelah terhadap negara bukan Barat.

Walaupun akhbar seperti *Fajar Asia*, *Semangat Asia* dan *Suara Timur* pada asalnya berfungsi dalam kerangka propaganda Jepun, wacana yang disemai melalui penerbitan tersebut telah menanam benih nilai Timur seperti kesetiaan, kerja berpasukan dan nasionalisme Asia dalam kalangan masyarakat Melayu. Nilai ini kemudiannya berkembang menjadi satu bentuk aspirasi budaya untuk menolak dominasi Barat termasuk penolakan terhadap stereotaip kolonial yang meremehkan keupayaan bangsa Melayu. Perkara ini telah dibuktikan oleh Abdul Mutalib Embong et al. (2023) yang menjelaskan bahawa naratif "Melayu malas" adalah mitos kolonial yang dicipta untuk menjustifikasi

penguasaan budaya dan ekonomi penjajah British. Syed Hussein al-Attas (1977) juga menjelaskan bagaimana penolakan masyarakat Melayu terhadap sistem kapitalis penjajah ditafsirkan sebagai kemalasan, sedangkan situasi tersebut merupakan bentuk penolakan budaya terhadap asimilasi paksa. Dalam kerangka ini, pendekatan Abdullah Ahmad Badawi yang menekankan *hikmah*, *musyawarah* dan toleransi dalam dasar luar negara boleh dilihat sebagai kesinambungan strategik kepada naratif pemulihan imej Melayu. Gaya diplomasi beliau bukan sahaja mencerminkan nilai tradisi, malah menjadi ekspresi kepada agensi budaya dalam memperkukuhkan lagi kredibiliti negara kecil di pentas global.

Selain itu, menurut pandangan Kuik (2013), kredibiliti moral dan autoriti domestik merupakan aset penting untuk membolehkan negara kecil seperti Malaysia mengekalkan kestabilan dalam hubungan dua hala yang bersifat asimetrik, khususnya dengan kuasa besar seperti China. Pendekatan Abdullah Ahmad Badawi yang berteraskan nilai budaya dan prinsip diplomasi berperadaban berjaya mencabar hegemoni wacana realisme tradisional dalam hubungan antarabangsa dan sekaligus membuka ruang kepada naratif alternatif yang lebih berasaskan nilai dan sejarah lokal. Dasar luar Malaysia pada era Abdullah Badawi bukan sahaja berkesan dari sudut geopolitik, malah memperlihatkan satu bentuk pemulihan naratif dan peradaban Melayu dalam konteks antarabangsa. Kajian ini sekali gus menyumbang kepada peluasan wacana hubungan antarabangsa bukan Barat (*non-Western IR discourse*) dan memperkukuh lagi kedudukan epistemologi Melayu dalam bidang pengajian pascakolonial. Dalam kerangka tersebut, artikel ini juga akan dapat mengisi jurang penyelidikan sedia ada dengan menampilkan bagaimana kepimpinan Melayu yang berasaskan nilai dapat dijadikan model diplomatik alternatif bagi negara-negara kecil dalam sistem antarabangsa yang bersifat kontemporari.

### Metodologi Kajian

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif, iaitu kajian kepustakaan dan temu bual untuk menjawab permasalahan dan persoalan kajian. Data dan maklumat sekunder diperolehi melalui dokumen bercetak seperti buku, artikel dan jurnal berkaitan hubungan antarabangsa yang mempunyai perbincangan kritikal dan komprehensif yang meliputi isu mengenai hubungan kebangkitan kuasa China, dasar luar Malaysia dan Indonesia terhadap China, peranan BRI dan laluan sutera dan lain-lain lagi. Temu bual pula dilakukan terhadap individu yang terlibat secara langsung dalam menyumbangkan idea, mengulas, mencadang dan menganalisis serta menasihati dalam pembentukan dasar luar Malaysia seperti penyelidik dan pakar bidang, mantan pemimpin elit, mantan pegawai kanan kerajaan dan ahli akademik. Salah seorang responden ialah Metodio B Maraguinot Jr., iaitu Ahli Parlimen Filipina dan wakil *Leadership Council of the United Nations Sustainable Development Solutions Network*. Seterusnya ialah Profesor Madya Dr. Ngeow Chow Bing yang merupakan mantan Pengarah Institut Kajian China, Universiti Malaya dan Profesor Dr. Ye Hailin merupakan Pengarah di *Center for regional Security Studies Chinese Academy of Social Sciences*, China. Bukan itu sahaja, kajian ini turut mengambil pandangan daripada para elit Melayu seperti Tan Sri Mohamad Jawhar Hassan yang merupakan mantan Pengarah Institut Strategi dan Pengajian Antarabangsa Malaysia (ISIS) dan Mantan Ahli Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), Tan Sri Syed Hamid Albar, iaitu mantan Menteri Luar Malaysia (1999-2008), Tan Sri Kadir Mohamad pula merupakan mantan Ketua Setiausaha Kementerian Luar (1996 – 2001) dan Penasihat kepada Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi. Selain itu, kajian turut mendapatkan pandangan yang komprehensif daripada Dato' Dr. Chamil Wariya ialah Ketua Pegawai Esekutif Institut Akhbar Malaysia (MPI) dan Pakar Tokoh Kepimpinan Malaysia. Kemudian Tan Sri Rastam Mohd Isa, iaitu Pengarah dan Pengerusi Institut Strategi dan Pengajian Antarabangsa Malaysia (ISIS) dan Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Luar (2006-2019) juga turut ditemubual dalam kajian ini. Bagi menyempurnakan hasil kajian, temu bual turut dilakukan kepada Profesor Dr. Vivian Forbes, iaitu Profesor di Universiti of Western Australia dan Pakar Isu Laut China Selatan. Kaedah verbatim digunakan untuk analisis, dengan temu bual yang dirakam ditranskripsikan dan disusun berdasarkan tema-tema yang telah ditetapkan oleh penyelidik, mengikut pendekatan yang disyorkan oleh Braun dan Clark (2006). Kajian ini turut mengukuhkan penemuannya dengan menggabungkan dokumen sokongan seperti kajian terdahulu, laporan akhbar, dan sumber sekunder lain dalam menghasilkan kajian yang komprehensif.

### Analisis Data dan Perbincangan

Berdasarkan analisis data dan perbincangan, kajian mengetengahkan tiga aspek utama yang merangkumi kepada hubungan antara kuasa-kuasa besar, fenomena politik domestik di Malaysia dan keperibadian sederhana Abdullah dalam menstruktur dasar luar Malaysia terhadap China.

#### Latar Belakang Persaingan Order Antarabangsa Amerika Syarikat dan China

Pada era 2000-an berlaku dua peristiwa penting yang telah menstrukturkan semula sistem politik antarabangsa, iaitu dasar War on Terror Amerika Syarikat dan penyertaan China dalam *World Trade Organisation* (WTO). Kedua-dua fenomena tersebut telah menyebabkan rantau Asia Tenggara sekali lagi menjadi medan persaingan kuasa-kuasa besar seperti yang berlaku ketika era Perang Dingin. Vivian Forbes, iaitu Profesor dari University of Western Australia berhujah bahawa,

*“Yet it should be noted that Southeast Asia has always been held hostage to the power politics of major powers”* (Temu bual 5 Ogos 2019).

Berdasarkan temu bual tersebut, telah membuktikan bahawa ketika era Perang Dingin, rantau Asia Tenggara tidak menjadi keutamaan Amerika Syarikat berbanding Eropah dan Timur Tengah walaupun terdapat dua perang besar yang berlaku, iaitu Perang Korea (1950-1953) dan Perang Vietnam (1965-1975). Peristiwa tersebut telah menyebabkan Amerika Syarikat tidak berjaya membentuk sebarang strategi untuk meningkatkan hubungan dengan negara-negara di rantau Asia Tenggara selepas berakhirnya Perang Dingin. Namun, selepas serangan *World Trade Centre* pada 11 September 2001, kepentingan rantau Asia Tenggara telah berubah daripada *benign neglect* kepada *second front*. Terdapat tiga faktor yang mempengaruhi tindakan Amerika Syarikat terhadap rantau Asia Tenggara, iaitu pertama, membendung penyebaran pengaruh Al-Qaeda. Sekiranya kumpulan pengganas tersebut berjaya menembusi Indonesia, iaitu negara Islam terbesar di dunia dan bersekutu dengan Jemaah Islamiah (JI) akan menyebabkan ancaman pengganas antarabangsa tidak dapat dibendung lagi. Kedua, kepentingan Selat Melaka kerana serangan pengganas terhadap selat tersebut mewujudkan impak negatif terhadap kepentingan kuasa hegemoni dan sekutunya. Ketiga, meningkatkan peranan Amerika Syarikat dan mengimbangi pengaruh China. Hal ini kerana negara-negara di rantau Asia Tenggara lebih gemar menjalinkan kerjasama berbentuk multilateral dengan negara-negara yang meningkat naik seperti China, Brazil dan India berbanding Amerika Syarikat yang mengaplikasikan dasar unilateral (Alden dan Viera 2005, 1077-1095). Daripada perspektif yang berbeza, limpahan ekonomi dan penglibatan aktif China melalui *mulin zheng ci* (dasar jiran yang baik) dengan pantas telah mengisi kelompangan kuasa besar di rantau Asia Tenggara yang sudah lama ditinggalkan oleh Amerika Syarikat.

Walaupun yang demikian, hubungan rapat Beijing dengan negara-negara di rantau Asia Tenggara tidak pernah menjejaskan pengaruh Amerika Syarikat terhadap geopolitik. Misalnya, Metodio B Maraguino Jr. Yang merupakan, iaitu Ahli Parlimen Filipina berhujah bahawa:

*“Apabila kami perlu memilih antara hegemoni Barat dengan hegemoni Beijing, kami tetap memilih berada di bawah payung Amerika Syarikat”* (Temu bual 9 November 2019).

Berdasarkan temu bual tersebut, telah membuktikan bahawa negara-negara di rantau Asia Tenggara masih lagi bergantung dengan Amerika Syarikat dalam aspek keselamatan kerana kuasa hegemoni tersebut satu-satunya kuasa besar yang mampu mengimbangi China di Laut China Selatan. Walaupun begitu, dalam aspek hubungan ekonomi mereka lebih condong kepada pasaran dan pelaburan China. China mula menjadi enjin pertumbuhan ekonomi serantau bermula pada tahun 2004 ketika di bawah kepimpinan Hu Jintao iaitu Presiden China ke-6. Berdasarkan laporan statistik Bank

Dunia kepesatan perkembangan ekonomi China telah menyumbang sebanyak 13% kepada pertumbuhan ekonomi dunia.

Tidak dinafikan kepesatan ekonomi China telah memberikan tempas dan impak positif tetapi pada masa yang sama turut mewujudkan kebimbangan dalam kalangan negara jiran. Persaingan aliran Langsung Pelaburan Asing (FDI) turut memberikan impak negatif terhadap negara kecil di rantau Asia Tenggara. Aliran FDI telah mengalami perubahan ketara sejak China bangkit menjadi kuasa ekonomi pada tahun 2004. Buktinya apabila 70% FDI telah mengalir ke China sedangkan sebelum ini tertumpu kepada negara-negara di rantau Asia Tenggara. Selain itu negara-negara lain juga kluatir kepesatan ekonomi China menyebabkan kuasa besar tersebut meningkatkan perbelanjaan ketenteraan yang akhirnya boleh mewujudkan ketidakseimbangan rantau dan dunia (Ridzuan et al., 2024). Atas faktor tersebut menyebabkan Hu Jintao menegaskan dasar luar China adalah berlandaskan konsep *heping-fazhan* (pembangunan secara aman) (Yi, 2005, p.74-112). Dasar tersebut juga meluas dalam aspek keselamatan nasional apabila China telah menandatangani *Treaty of Amity and Cooperation* (TAC) dan *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DoC) dalam mengurangkan ketegangan isu di Laut China Selatan pada tahun 2004.

Kajian mendapati bahawa sebelum wujudnya dasar *heping-fazhan*, China tidak pernah bersetuju untuk menandatangani sebarang perjanjian dan komitmen *Confidence Building Measures* (CBM) yang melibatkan isu di Laut China Selatan. Kajian turut mendapati bahawa perubahan sikap dan tindakan tersebut telah mencerminkan kesungguhan China dan bukan sekadar retorik semata-mata. Menurut Ye Hailin, iaitu Pengarah *Center for Regional Security Studies Chinese Academy of Social Sciences*, China telah berhujah bahawa “*The rise of China as a responsible regional power conducive to ASEAN driven regionalism*” (Ye Hailin, Temu bual 20 Disember 2019). Berdasarkan hujahan dan temu bual, kajian mendapati bahawa selepas 10 tahun China dan ASEAN mengadakan perbincangan untuk menguruskan isu-isu sensitif di Laut China Selatan akhirnya, Beijing bersetuju menandatangani kedua-dua perjanjian tersebut. Peristiwa tersebut secara tidak langsung menunjukkan China mula berkompromi dengan kedaulatan wilayahnya berbanding era Perang Dingin.

Walaupun begitu, masih berlaku pergeseran dalam kalangan negara penuntut di Laut China Selatan. Pada Mei tahun 2003, Setiausaha Pertahanan Filipina, iaitu Angelo Reyes telah menuduh China tidak menghormati perjanjian DoC kerana meletakkan tanda sempadan dan menghantar tentera lautnya ke pulau-pulau kecil yang menjadi perebutan. Namun, kebimbangan negara-negara di rantau Asia Tenggara telah dineutralkan dengan kepesatan ekonomi negara tersebut. Pasaran domestik China yang luas dan kemampuan industrinya untuk bersaing dengan kuasa-kuasa Barat seperti Amerika Syarikat, Britain dan Kesatuan Eropah telah memberikan China kuasa tawar-menawar yang lebih tinggi dengan mana-mana negara di rantau Asia Tenggara. Sejak tiga puluh tahun yang lalu, China telah menerima kemasukkan FDI berjumlah AS\$ 600 bilion. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) China telah berkembang dengan pesat daripada AS\$ 362.4 bilion pada tahun 1978 kepada AS\$ 13.7 trilion pada tahun 2004 terus meningkat kepada AS\$ 24.7 trilion pada tahun 2007 dan merupakan perkembangan yang terbesar dalam sistem ekonomi antarabangsa (Jin Zhesong & Li Jun 2011, p.31-33). Oleh itu, besar kemungkinan China berpotensi menstrukturkan semula dasar ekonomi rantau seperti menaikkan kadar tarif dan cukai import seperti yang dilakukan Barat. Walaupun yang demikian, China tidak menaikkan kadar tarif dan import cukai sebagai nilai tanggungjawab terhadap komuniti antarabangsa. Ketika persidangan *Chinese Communist Party 17<sup>th</sup> National Congress* pada Oktober 2007, China telah menetapkan tiada sebarang perubahan dalam dasar luar ekonomi malah pada tahun 2008 ketika persidangan *11<sup>th</sup> National People’s Congress China Beijing* sekali lagi turut menegaskan perkara yang sama (Chung Chien-Peng, 2010, p.110). Berdasarkan tindakan China terhadap rantau Asia Tenggara daripada dasar yang keras berubah kepada diplomasi mesra dan tanggungjawab terhadap rantau.

Tindakan Amerika Syarikat melalui *War on Terror* dan dasar China, iaitu *heping fazhan* di rantau Asia Tenggara telah menyebabkan berlaku persaingan yang kompleks antara kedua-dua buah kuasa besar sehingga menyebabkan tidak kestabilan geopolitik. Fenomena tersebut menunjukkan Amerika Syarikat tidak suka mana-mana negara yang cuba mencabar hegemoninya dalam arena politik antarabangsa. Daripada perspektif yang berbeza, Amerika Syarikat telah menstrukturkan semula

dasarnya terhadap rantau Asia Tenggara bukan sahaja ingin meningkatkan kembali pengaruh dan prestij tetapi pada masa yang sama memberikan isyarat kepada China agar tidak mencabar order dunia kuasa hegemoni tersebut.

Persaingan kuasa-kuasa besar di rantau Asia Tenggara bukanlah suatu perkara yang baharu. Sebagai contoh konflik IndoChina yang bermula era 1940-an telah menyaksikan persaingan strategik antara Amerika Syarikat, Perancis, Rusia dan China di rantau Asia Tenggara. Walaupun demikian dewasa ini persaingan yang berlaku bukan lagi melalui ketenteraan tetapi melibatkan perdagangan, pelaburan dan sosio budaya yang mewujudkan impak yang lebih tinggi kepada negara-negara kecil sama ada dalam bentuk risiko, ancaman mahupun peluang. Malaysia bertindak secara pragmatik dan idealistik terhadap kuasa-kuasa besar tersebut kerana Malaysia memerlukan pasaran China dan turut memerlukan Amerika Syarikat untuk mengimbangi pengaruh China di perairan Laut China Selatan. Atas faktor tersebut Abdullah telah mengaplikasikan dasar *multilateral binding* melalui penubuhan *East Asia Summit* (EAS) untuk mengikat China dan Amerika Syarikat ke dalam ASEAN dengan menggunakan *ASEAN Way*.

Pada tahun 2005 secara rasmi Malaysia menjadi tuan rumah buat kali pertama persidangan EAS yang telah dianggotai oleh Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, Rusia, Jepun, Korea Selatan dan negara anggota ASEAN (Katayama, 2013, p.95). Walaupun demikian menurut Tan Sri Rastam, iaitu Bekas Ketua Setiausaha Kementerian Luar (2006-2010) telah menyatakan bahawa Mahathir, iaitu Bekas Perdana Menteri ke-4 telah menyelar EAS sebagai *EAST Australian Summit* kerana negara-negara bukan dari Asia akan mengawal organisasi tersebut (Temu bual 19 November 2019). Namun, kajian mendapati bahawa penubuhan EAS merupakan salah satu kejayaan dasar Abdullah kerana dapat mengimbangi kuasa-kuasa besar dan mengikat mereka untuk mengikut norma dan nilai ASEAN. Alagappa berhujah, “... *is to avoid permanent alliance and alignment and ensure Southeast Asia is not dominated by any single power*” (Alagappa, 2012, p.3). Malaysia telah berjaya mengumpulkan semua negara yang berpotensi untuk menjalankan keseimbangan terhadap satu sama lain seperti China, Jepun, Korea Selatan, New Zealand dan Rusia. Kajian berhujah sedemikian kerana melalui EAS buat pertama kali kuasa-kuasa besar tersebut duduk semeja membincangkan isu-isu sensitif untuk kebaikan serantau. Analisis turut mendapati bahawa EAS merupakan salah satu kejayaan besar Malaysia dalam strategi diplomasi kerana sebelum ini usaha Kuala Lumpur mewujudkan EAEG dan EAEC tidak berjaya direalisasikan. Tan Sri Jawhar Hassan, iaitu bekas Pengarah Institut Strategi dan Pengajian Antarabangsa Malaysia (ISIS) dan bekas Ahli Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) berhujah bahawa,

Pembentukan EAS adalah suatu kejayaan besar dan kemenangan kepada Abdullah mahupun Malaysia kerana berjaya menyatukan ASEAN dengan kuasa-kuasa besar seperti China, Jepun dan Korea Selatan duduk semeja. Termasuk juga kuasa-kuasa Barat dan sudah tentunya Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan Rusia. (Temubual 18 Disember 2019).

Dalam aspek keselamatan, Abdullah konsisten menolak sebarang tindakan pelbagai pihak yang menyelar China sebagai sumber ancaman kepada rantau mahupun dunia. Pada tahun 2005, Amerika Syarikat dan Jepun menegaskan peningkatan ketenteraan China mewujudkan ancaman kepada rantau Asia Tenggara dan dunia (Hyun-Wook Kim, 2011, p.343). Ketika persidangan *Asia-Pacific Roundtable* di Kuala Lumpur, Malaysia sekali lagi menegaskan bahawa China tidak pernah bercita-cita untuk menjadi kuasa hegemoni dan tidak pernah merasakan bahawa peningkatan ketenteraan China sebagai ancaman atau berpotensi untuk menjadi ancaman. Abdullah menegaskan bahawa,

*Until recently, China had never been openly declared a military threat or potential threat. Some countries may have quietly harboured that view however tenuous the grounds, but none overtly described China as potential threat. This has now changed. For the first time, the United States and Japan have issued a Joint Statement declaring Taiwan a matter of mutual security concern* (Abdullah, 2005, Ucapan).



Berdasarkan petikan di atas, kajian mendapati bahawa Abdullah bertindak sedemikian bukan sahaja untuk menjaga hubungan baik dengan negara-negara jiran, malah dengan kuasa-kuasa besar. Pada masa yang sama untuk mengelakkan sebarang ketegangan antara Malaysia, ASEAN dengan China khususnya di Laut China Selatan. Hal ini kerana tiada sebarang jaminan komitmen Amerika Syarikat dalam jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang terhadap rantau Asia Tenggara (Ridzuan et al., p.2023). Situasi tersebut menunjukkan sebarang isu yang timbul perlu diselesaikan melalui cara dan syarat yang ditentukan sendiri oleh negara-negara yang terlibat tanpa sebarang campur tangan pihak berkepentingan yang lain. Ia bukan untuk mencabar kuasa-kuasa besar tetapi fokus utama negara-negara kecil seperti Malaysia ialah memaksimumkan kepentingan nasional dan meminimumkan sebarang risiko. Peningkatan hubungan bilateral Malaysia dengan China diperingkat politik antarabangsa telah memberikan impak yang signifikan terhadap kerjasama kedua-dua buah negara.

### **Perluasan Kerjasama Ekonomi, Sosio budaya dan Keselamatan**

Pertumbuhan ekonomi Malaysia ketika era 1990-an telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.5% sehingga 5.5% setahun tetapi pada tahun 2001 sehingga tahun 2009 telah berlaku penurunan sebanyak 4.3% (Menon, 2014, p.261). Statistik tersebut membuktikan bahawa keperluan ekonomi negara yang semakin berkembang pesat memerlukan pasaran baharu untuk produk dan pelaburan. China telah dikenal pasti sebagai rakan dagang utama Malaysia kerana kebangkitan kuasa ekonomi China merupakan peluang keemasan kepada kepentingan dan kelangsungan negara.

Atas faktor tersebut, China merupakan negara di luar ASEAN pertama yang dilawati Abdullah ketika beliau menjadi Perdana Menteri (Balakrishnan, 2006, p.4). Abdullah telah membawa delegasi yang terdiri daripada ahli kabinet, tiga orang Ketua Menteri, dua orang Menteri Besar dan 500 orang usahawan Malaysia (Kuik, 2010, p.294). Kedua-dua buah negara juga telah menandatangani 26 MoU dan sebanyak enam memorandum persetujuan (MoA) yang bermaksud MoU sebelum ini sudah direalisasikan (Li Yiping, 2006, p.48). Hasil lawatan dan perjanjian bilateral telah meningkatkan perdagangan dua hala, iaitu pada tahun 2003 sebanyak AS\$ 14.1 bilion meningkat kepada AS\$ 18.8 bilion pada tahun 2004 dan terus meningkat kepada AS\$ 20 bilion pada tahun 2005 (Balakrishnan, 2006, p.65). Peningkatan yang konsisten tersebut menyebabkan Malaysia menjadi rakan dagang ke-4 terbesar Malaysia.

Walaupun telah berlaku peningkatan dalam sinergi ekonomi, tetapi rakyat mula menolak Barisan Nasional (BN) dalam menjadi parti pemerintah. Buktinya apabila BN hanya memperolehi kemenangan tipis dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-11, iaitu sebanyak 51.5% undi dan 63.3% kerusi di parlimen (Chin, 2018, p.11). Antara faktor kegagalan tersebut disebabkan konflik intra Melayu (kebangkitan Parti Keadilan Rakyat dan Pakatan Rakyat yang melibatkan gabungan DAP, PAS dan PKR buat pertama kali yang dipimpin Anwar Ibrahim) dan perjuangan intra elit dalam UMNO (konflik melibatkan Abdullah-Mahathir). Atas faktor tersebut Abdullah tidak boleh bergantung semata-mata kepada sokongan masyarakat Melayu dan disebabkan itu undi daripada kaum lain khususnya kaum Cina penting kepada kelangsungan regim BN. Perspektif yang seterusnya ialah memandangkan manfaat ekonomi sangat penting untuk kaum Cina, semakin luas kerjasama ekonomi Malaysia dengan China, maka semakin bagus Abdullah di mata kaum Cina khususnya mereka yang duduk di bandar.

Tekanan-tekanan tersebut telah menyebabkan kepada perluasan kerjasama antara Malaysia dengan China melalui syarikat milik kerajaan *Government-Linked Companies* (GLCs) seperti Khazanah Nasional, Sime Darby dan Petronas. Sebagai contoh Khazanah Nasional merupakan GLC awal dan aktif menjalinkan kerjasama dengan China dalam industri minyak dan gas, pendidikan, peruncitan dan perkhidmatan. Khazanah Nasional turut memperolehi 9.9% saham peruncit terbesar China, iaitu Parkson pada tahun 2005. Dalam aspek pendidikan, Khazanah Nasional telah melabur sebanyak AS\$44 juta, iaitu mewakili 10% kepentingan di Universiti Oriental City Limited. Dalam aspek tenaga dan alam sekitar, Khazanah Nasional bekerjasama dengan *Beijing China Sciences General Energy & Environment*.

Malaysia merupakan negara pertama di dunia yang membawa China dalam industri halal global. Kuala Lumpur telah menjemput Beijing ke Forum Ekonomi Islam Dunia (WIFE) dalam usaha membangunkan industri halal tempatan dan antarabangsa pada 27 Mei 2007. Penyertaan tersebut merupakan penyertaan sulung China dengan kumpulan perniagaan dari dunia Islam. Industri halal mempunyai potensi pengguna yang besar di China kerana 50 juta orang Islam tinggal di negara tersebut. Meenchee Hong berhujah bahawa,

*“ Malaysia’s halal products and the Chinese halal market are a potential trade area. A number of Malaysian companies have started exporting accredited halal goods to China, from spices, frozen seafood and palm oil-based products, to pharmaceuticals and cosmetics.”*

(Meenchee Hong, 2019, p.15)

Berdasarkan hujahan sarjana tersebut, telah membuktikan bahawa selain bijak merebut peluang dan pasaran China, Malaysia mempelbagaikan produk dan bergiat aktif dalam industri halal kerana tidak mahu bergantung kepada pasaran minyak dan gas, minyak kelapa sawit serta elektrik dan elektronik semata-mata.

Industri pelancongan pula menyaksikan peningkatan yang positif kerana pada tahun 2005 seramai 230000 orang pelancong China datang ke Malaysia dan angka tersebut terus meningkat kepada 949000 pada tahun 2009 (Kuik, 2013, p.602). Dengan erti kata lain telah berlaku sebanyak 75% penambahan jumlah pelancong China ke Malaysia. Sektor pendidikan turut menunjukkan peningkatan pelajar China ke Malaysia kerana pada tahun 2002 seramai 4834 pelajar terus meningkat kepada 11000 pelajar pada tahun 2004 (Kementerian Pengajian Tinggi, 2017). Dalam usaha meningkatkan jumlah pelajar China ke Malaysia, kerajaan China telah memberikan biasiswa kepada para pelajarnya, promosi pertukaran tenaga pengajar dan kerjasama pendidikan dua hala. Secara tidak langsung peningkatan pelajar China ke Malaysia turut memberikan sumbangan kepada ekonomi negara. Oleh itu, apa sahaja yang memberikan manfaat kepada ekonomi Malaysia dan meningkatkan hubungan diplomatik dengan kuasa besar tersebut akan menjadi keutamaan dalam dasar negara. Kedua-dua buah negara turut mengeratkan hubungan rakyat dengan rakyat melalui kerjasama dalam bidang kesihatan dan wabak. Pada bulan Mei 2004, buat pertama kali kedua-dua buah negara telah menandatangani MoU dalam menghadapi wabak SARS dan H5N1 (Khadijah Khalid, 2013, p.521).

Walaupun telah berlaku kerancakan perkembangan sinergi ekonomi tetapi pelbagai projek mega yang melibatkan kos jutaan ringgit terpaksa ditangguhkan. Situasi tersebut diimplementasikan kerana Malaysia tidak terkecuali dengan kesan daripada kelembapan ekonomi dunia pada tahun 2008. Ekonomi Malaysia telah menguncup sebanyak 1.7%, iaitu tahun ekonomi global mengalami kemerosotan terburuk dalam sejarah moden (Laporan Bank Negara, 2008). Walaupun yang demikian Malaysia berjaya merealisasikan salah satu projek mega iaitu pembinaan jambatan kedua di Pulau Pinang. Malaysia dan China telah menandatangani perjanjian pinjaman bernilai AS\$ 800 juta untuk pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang, iaitu sepanjang 23.5 km pada bulan Julai 2007. China juga mengenakan kadar faedah yang rendah iaitu sebanyak 3% setahun dalam tempoh 20 tahun kepada Malaysia (Kuik, 2013, p.19-20). Malaysia merupakan negara pertama di rantau Asia Tenggara yang menerima pinjaman fasiliti dalam jumlah yang besar ketika itu kerana hasil hubungan yang baik antara Malaysia dengan China berbanding dengan negara-negara yang lain (Kadir Mohamad, 2019, Temubual). Melalui temubual tersebut, analisis mendapati bahawa pinjaman fasiliti dengan kadar faedah rendah yang diberikan oleh China kepada Malaysia berbanding dengan negara-negara lain adalah sebagai hadiah kepada Malaysia. Hal ini kerana dasar dan usaha Malaysia yang konsisten mengiktiraf kuasa China dan mempromosikan kebangkitan dan pemodenan negara tersebut secara aman kepada dunia.

Tidak dinafikan telah berlaku peningkatan kerjasama bilateral kedua-dua buah negara dalam aspek hubungan antara negara dengan negara dan rakyat dengan rakyat yang tidak pernah berlaku ketika era sebelum ini. Namun, dalam aspek keselamatan Malaysia masih lagi berhati-hati dengan

kuasa tersebut dalam isu di Laut China Selatan. Seramai tiga orang pegawai daripada *US Coast Guard* dihantar ke Malaysia untuk melatih para pegawai Polis Marin Malaysia pada bulan Ogos 2004. Malaysia juga telah memperbaharui *Acquisition and Cross-Servicing Agreement (ACSA)* yang ditandatangani pada tahun 1994 dengan Amerika Syarikat pada tahun 2005 (Adnan Abu Bakar, 2013, p.17). Pada masa yang sama, Malaysia konsisten bantuan ketenteraan Amerika Syarikat dalam bentuk kredit *Foreign Military Sale* untuk pembelian aset pertahanan (Sodhy, 2012, p.35-36). Kajian mendapati bahawa walaupun Malaysia menjalinkan hubungan erat dengan China dan menolak teori ancaman China, Kuala Lumpur masih memerlukan Amerika Syarikat dalam mengimbangi kuasa China sebagai langkah-langkah berjaga-jaga.

Walaupun begitu anomali telah berlaku apabila Malaysia menjalinkan kerjasama ketenteraan dengan China. Julung kali berlaku kerjasama ketenteraan dua hala apabila Najib Razak yang merupakan Timbalan Perdana Menteri dan merangkap Menteri Pertahanan menandatangani MoU *Bilateral Defence and Security Co-operation* dengan China. Menurut Dr. Ngeow Chow Bing, iaitu Pengarah Institut Kajian China, Universiti Malaya menjelaskan bahawa antara bentuk kerjasama tersebut ialah pertukaran dan lawatan pegawai tertinggi tentera, latihan ketenteraan dan pertukaran maklumat (Ngeow Chow Bing, 2019, Temu bual). General Dato' Sri Abdul Aziz merupakan Ketua Panglima Angkatan Tentera Malaysia merupakan pegawai tertinggi tentera yang pertama dihantar oleh Malaysia untuk mengadakan lawatan ke China. Walaupun yang demikian kerjasama tersebut pada peringkat sederhana dan terdapat beberapa isu yang dihadapi seperti isu bahasa dan teknologi ketenteraan. Sebagai contoh kekurangan pegawai *People's Liberation Army (PLA)* yang fasih berbahasa Inggeris dan peralatan teknologi yang digunakan oleh kedua-dua buah negara juga berbeza. Situasi tersebut menyukarkan kedua-dua belah pihak untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang ketenteraan (General (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali, Bekas Panglima Angkatan Tentera, Temu bual 13 November 2019).

Kajian telah mendapati bahawa Abdullah telah mengaplikasikan dasar *equidistance* dan pragmatik dalam aspek ketenteraan terhadap Amerika Syarikat dan China. Hal ini kerana, kerjasama ketenteraan dengan kedua-dua kuasa besar tersebut adalah mengelakkan mereka mencurigai Malaysia yang akhirnya boleh membawa Malaysia berperang dengan persaingan mereka.

### **Keperibadian Abdullah dalam Penstrukturan Dasar Luar Malaysia Terhadap China**

Sepanjang 22 tahun Mahathir mengemudi kepimpinan negara, dasar luar Malaysia bersifat pro aktif, berani dan bertencana sehingga membawa kepada pencapaian yang membanggakan di pentas politik antarabangsa. Abdullah pula mempunyai keperibadian yang sederhana dan tidak terpalit dengan sebarang isu rasuah dan disebabkan itu rakyat menyokong kepada kepimpinan beliau. Hal ini dapat dilihat apabila BN memperolehi kemenangan terbesar dalam sejarah ketika Pilihan Raya Umum (PRU) ke -11, iaitu sebanyak 63.85% dan 90.78% kerusi di parlimen (Chin, 2018, p. 5).

Tidak dinafikan penggal kedua pemerintahan beliau telah menyaksikan pelbagai peristiwa yang berlaku sehingga rakyat mula mempersoalkan kredibiliti beliau sebagai Perdana Menteri. Antara peristiwa tersebut ialah isu HINDRAF, kelembapan ekonomi, kenaikan harga minyak dan peningkatan kos sara hidup sehingga menyebabkan BN gagal memperolehi kerusi majoriti di parlimen ketika PRU ke-12 (Kadir Mohamad, Temu bual 25 Disember 2019). Berdasarkan hujahan di atas, keperibadian Abdullah yang sederhana telah menyebabkan rakyat merasakan beliau tidak berkemampuan menyandang jawatan nombor satu negara. Walaupun yang demikian, keperibadian Abdullah yang dianggap lemah oleh rakyat telah memberikan impak yang besar di peringkat struktur politik antarabangsa (Mohamad Ikhrum Mohamad Ridzuan et al., 2024; Mohamad Ikhrum Mohamad Ridzuan et al., 2023). Ketika persaingan antara Amerika Syarikat dan China di rantau Asia Tenggara, Abdullah telah memilih untuk tidak menjalankan dasar yang bersifat provokasi dan agresif seperti yang dilakukan oleh Mahathir. Kuik berhujah, "*Under Abdullah Ahmad Badawi, Mahathir's immediate successor, Putrajaya's ties with Washington made progress on multiple fronts*" (Kuik, 2016, p.159). Ketika era Abdullah juga, China buat pertama kali bersetuju menandatangani *Treaty of Amity and Cooperation*

(TAC) dan *Conduct of Code* (CoC) dan tidak banyak isu-isu serius yang melibatkan ancaman di perairan tersebut.

Tindakan Abdullah dalam menangani dan menghadapi persaingan Amerika Syarikat dan China di rantau Asia Tenggara disebabkan pengalaman luas beliau sebagai Menteri Luar. Abdullah telah menerajui Kementerian Luar selama 8 tahun, iaitu dari tahun 1991 sehingga tahun 1999 (Kadir Mohamad, Temu bual 25 Disember 2019). Melalui temu bual tersebut telah membuktikan 8 tahun sebagai Menteri Luar cukup menggambarkan beliau mempunyai pengalaman luas dalam pembentukan dasar luar dengan mengenal pasti perubahan sistem antarabangsa dan merangka strategi diplomasi yang sensitif dengan kuasa-kuasa besar seperti China. Menurut Dato' Dr. Chamil Wariya, iaitu sarjana hubungan antarabangsa dan tokoh wartawan negara beliau berhujah bahawa ketika Abdullah menjadi Menteri Luar, beliau telah berjumpa dan menjalin hubungan yang erat dengan para pemimpin China (Chamil Wariya, Temu bual 19 Disember 2019). Melalui temubual tersebut, telah membuktikan bahawa pada masa tersebut Abdullah telah menjalin hubungan erat dengan para pemimpin China dan secara tidak langsung memberikan kelebihan ketika beliau menjadi Perdana Menteri.

Peningkatan hubungan Malaysia dengan China juga dipengaruhi oleh latar belakang keluarga beliau. Abdullah merupakan satu-satunya Perdana Menteri Malaysia yang mempunyai keturunan dan saudara mara di China. Datuk di sebelah ibunya berasal dari Hainan dan bermigrasi ke Tanah Melayu pada abad ke-19 (Syed Hamid Albar, Temubual 20 Disember 2019). Namun, Chamil Wariya berhujah bahawa latar belakang keluarga Abdullah tidak meninggalkan impak yang tinggi dalam hubungan Malaysia dengan China (Chamil Wariya, Temu bual 19 Disember 2019). Walaupun yang demikian Syed Hamid Albar pula menegaskan bahawa latar belakang Abdullah yang berasal dari China mempengaruhi kepada hubungan dua hala kerana Malaysia satu-satunya negara yang mendapat pinjaman tertinggi daripada China berbanding negara-negara lain di Asia Tenggara (Syed Hamid Albar, Temu bual 20 Disember 2019). Berdasarkan temu bual kedua-dua tokoh tersebut, kajian mendapati bahawa latar belakang keluarga seseorang pemimpin turut mempengaruhi dan signifikan dalam menganalisis sinergi hubungan diplomasi antara Malaysia dengan China.

Berdasarkan hujahan dan analisis, kajian mendapati bahawa personaliti dan keperibadian Abdullah koheran terhadap peningkatan dan perkembangan hubungan Malaysia dengan China. Usaha membawa China ke dalam pasaran hub-halal, pembinaan jambatan kedua Pulau Pinang dan penubuhan EAS merupakan antara kejayaan dasar luar Abdullah yang memandu grand strategi negara lebih komprehensif di dalam sistem politik antarabangsa. Keperibadian Abdullah yang sederhana terserlah melalui dasar luar Malaysia yang tidak bersifat provokasi terhadap mana-mana kuasa besar dan lebih kepada hubungan berbaik-baik dengan semua negara. Seperti yang di hujahkan pada tahun 2004, rantau Asia Tenggara kembali menjadi penting kepada Amerika Syarikat selepas 20 tahun berakhirnya Perang Dingin. Antara faktor utama perubahan dasar kuasa hegemoni tersebut ialah mengimbangi pengaruh China. Malaysia sekali lagi memainkan peranan dengan mewujudkan *East Asia Summit* (EAS) untuk mengimbangi persaingan kedua-dua buah kuasa besar tersebut. Selain itu, Malaysia juga berjaya memujuk China menandatangani pelbagai perjanjian dalam mengurangkan ketegangan di perairan Laut China Selatan. Signifikan tindakan Abdullah supaya menjadi rakan diplomasi yang boleh dipercayai bukan sahaja China tetapi Amerika Syarikat untuk memastikan kelangsungan negara kecil seperti Malaysia dalam anarki politik antarabangsa.

Era kepimpinan Abdullah merupakan satu tanggungjawab yang besar kerana mengambil alih tampuk kepimpinan daripada Mahathir, iaitu seorang tokoh negarawan yang disegani dan berpengaruh bukan sahaja dalam kalangan rakyat tempatan malah dunia. Abdullah memilih untuk meneruskan dasar luar Mahathir bagi mengelakkan sebarang tentangan dan tekanan kerana rakyat dan elit UMNO sudah terbiasa dengan 22 tahun kepimpinan bekas Perdana Menteri tersebut. Walaupun yang demikian secara praktikalnya beliau telah menambah baik hubungan diplomasi dan memperluaskan kerjasama dengan China. Situasi tersebut dibuktikan melalui peningkatan kerjasama ekonomi melalui syarikat-syarikat milik kerajaan, pendidikan, kesihatan dan keselamatan yang tidak pernah berlaku ketika era sebelum ini. Dalam perspektif yang berbeza, walaupun Abdullah didesak untuk meletakkan

jawatan, tetapi beliau telah membuktikan bahawa beliau mempunyai cara tersendiri dalam mencorakkan dasar luar Malaysia. Pada 3 April 2009, Abdullah telah digantikan oleh Dato' Seri Najib Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia. Chamil Wariya berhujah bahawa Abdullah telah menonjolkan sikap seorang Melayu yang budiman kerana memilih untuk melepaskan jawatan dengan penuh bermaruah ketika menyerahkan tugas kepimpinan kepada penggantinya (Chamil Wariya, Temu bual 19 Disember 2019).

### Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat dikaitkan dengan peradaban Melayu yang berasaskan prinsip-prinsip kebijaksanaan, musyawarah, dan pragmatik dalam diplomasi. Kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi mencerminkan nilai-nilai Melayu yang mengutamakan keharmonian dan pendekatan sederhana dalam mengurus hal-ehwal hubungan dan politik antarabangsa. Dalam peradaban Melayu, pemimpin sering dianggap sebagai penyalaras yang menjaga keseimbangan serta mengelakkan konfrontasi secara langsung. Abdullah menerapkan nilai ini dengan mengekalkan hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara besar sambil menjaga kepentingan Malaysia, khususnya melalui kerjasama erat dengan China. Peradaban Melayu juga terkenal dengan konsep persahabatan dan "serumpun" yang melibatkan kerjasama serta saling menghormati antara negara-negara jiran. Abdullah mempraktikkan nilai ini melalui inisiatif seperti membawa China ke dalam forum antarabangsa yang diketuai ASEAN, iaitu *East Asia Summit*. Pendekatan diplomasi pragmatik yang diamalkan ini bukan sahaja seiring dengan nilai peradaban Melayu tetapi juga menunjukkan keupayaan Malaysia untuk memainkan peranan sebagai pengantara dalam geopolitik serantau, selaras dengan kedudukan dan sejarah Melayu sebagai pelaut, pedagang, dan diplomat di peringkat antarabangsa sejak zaman Kesultanan Melaka. Abdullah turut menonjolkan prinsip "berpada-pada" dalam dasar luar, yang merupakan sebahagian dari falsafah Melayu dalam berhubungan dengan kuasa-kuasa besar. Sifat sederhana yang diterapkan Abdullah tidak hanya melindungi kedaulatan Malaysia, tetapi juga mencerminkan keutuhan peradaban Melayu yang berpegang teguh pada keamanan, keharmonian, dan kesederhanaan, seiring dengan nilai keagamaan dan budaya masyarakat Melayu.

## Rujukan

- Alden, C & Vieira, M.A. (2005). The new diplomacy of the South: South Africa, Brazil, India and triletarism. *Third World Quarterly* 26(7), 1077-1095.
- Adnan Abu Bakar. (2013). *Malaysia-US Relations: Influencing factors and its impact on Malaysia*. Army War College Carlisle Barracks PA.
- Abdullah Badawi. (2005). *Asia Pasific Rountadble di Kuala Lumpur*. Ucapan Perdana Menteri Malaysia, 1 Jun. <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=paklah&id=2957>
- Abdullah, Ahmad Badawi. (2004). *Multilateralism the Way Forward*. Ucapan Perdana Menteri Malaysia pada 26 September. <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=paklah&id=2957>.
- Ucapan Perdana Menteri Malaysia, 15 Disember. <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=paklah&id=2994>.
- Abdul Mutalib Embong, Kadhim, K. A., Michin, L. M., Piatnitskaia, A., Pham, L. H. H. P., & Hasan, M. L. (2023). Lazy Malays? The ridicule of derisive stereotype from the post-colonial colonists. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 34(1), 1–25. <https://doi.org/10.22452/JOMAS.vol34no1.1>
- Ahmad Mokhtar Selat. (2006). New directions in Malaysia's foreign policy from Tunku to Abdullah Badawi. In. Ruhanas Harun (eds). *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges* (pp. 13-28). University of Malaya Press
- Alagappa, M. (2012). *Developing a strategic relationship with China*. The Edge Malaysia.
- Amri, M. (2021). Isu ketuanan Melayu di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(2), 1–16. <https://doi.org/10.22452/JOMAS.vol32no2.1>
- Athukorala, P. (2005). Trade Policy in Malaysia: Liberalization process, structure of protection, and reform agenda. *ASEAN Economic Bulletin*, 22(1), 19–34.
- Balakrishnan, K. S. (2006). *Malaysia-China relations: The political challenges*. ISC Working Paper No. 2006-4. Institut Pengajian China, Universiti Malaya.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative research in psychology*, 3(2), 77-101.
- Chin, J. (2018). The comeback kid: Mahathir and the 2018 Malaysian General Elections. *The Round Table*, 107(4): 535-537.
- Chun Chien-Peng. (2010). *China's multilateral cooperation in Asia and the Pacific: Institutionalizing Beijing's Good Neighbour Policy*. Routledge.
- Hyun-Wook Kim. (2011). Substantiating the cohesion of the post-cold war US-Japan alliance. *Australian Journal of Internasional Affairs*, 65(3), 340-359.
- Iqbal, U., Hussin, N., & Seman, A. A. (2014). Idea Pandang ke Jepun dalam akhbar dan majalah semasa Perang Dunia Kedua. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 24, 1–20. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/25690>
- Jin Zhesong & Li Jun. (2011). *Foreign trade growth and economic development in China: Retrospective and future prospects*. Enrich Professional Publishing.
- Katayama, K. (2013). *China's rise and Japan's Malaysia Policy*. The University Malaysia Press.
- Khadijah Khalid. (2013). Malaysian foreign relations and diplomacy under Abdullah Badawi. In. Bridget Welsh & James U.H. Chin (eds.). *Awakening: The Abdullah Badawi years in Malaysia* (pp.527-550). Strategic Information and Research Development Centre.

- Kuik Cheng Chwee. (2005). "Multilateralism in China's ASEAN policy: Its evolution, characteristic and aspiration". *Contemporary Southeast Asia: A Journal of International and Strategic Affairs*, 27(1), 102-122.
- Kuik Cheng Chwee. (2013). Making sense of Malaysia's China policy: Asymmetry, proximity and elite's domestic authority. *The Chinese Journal of International Politics*, 6(4), 429-647.
- Kuik Cheng Chwee. (2016). Malaysia between the United States and China: What do a weaker hedge against? *Asian Politics & Policy*, 8(1), 155-177.
- Laporan Bank Negara 2008.  
[https://www.bnm.gov.my/documents/20124/831132/cp03\\_002\\_rencana.pdf](https://www.bnm.gov.my/documents/20124/831132/cp03_002_rencana.pdf). Diakses pada 10 Disember 2019.
- Laporan Bank Negara 2017.  
[https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm\\_publication&pg=bm\\_ar&ac=41&lang=bm](https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_publication&pg=bm_ar&ac=41&lang=bm).  
Diakses pada 10 Disember 2019.
- Li Yiping. (2006). Sino-Malaysian diplomacy in the Post-Cold War period: A regional analysis. In. Emile Kok Kheng Yeoh dan Hou Kok Chung (eds.). *China and Malaysia in a globalizing world: Bilateral relations, regional imperatives and domestic challenges*, (pp. 45-56). Kuala Lumpur: Institute of China Studies, University of Malaya.
- Meenchee Hong, Sizhong Sun, Rabiul Beg & Zhangyue Zhou. (2020). "Malaysia's export to China: Does diplomatic relationship matter?" *A Journal of Applied Economics and Policy*, 39(1), 72-88.
- Menon, J. (2014). Growth without private investment: Happened in Malaysia and can it be fixed? *Journal of the Asia Pacific Economy*, 19(2), 247-271.
- Mohamad Ikhran Mohamad Ridzuan, Mohd Ikbal Huda & Sity Daud. (2024). *61 tahun Grand Strategy Malaysia – China*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ridzuan, M. I. M., Jambol, D. J. A., Zulkifli, N., & Abdullah, Z. (2024). Interdependency and reliability of Malaysia-China relations amidst the threat balance. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(5), 1–10. <https://doi.org/10.55197/Qjssh.V5i5.422>
- Ridzuan, M.I.M & Marfunizah Ma'dan. (2023). Abdullah Badawi's Foreign Policy Towards China: Three-Level Analysis of Pragmatic and Idealistic Diplomacy Strategy in A Two-Way Cooperation. *Journal of International Studies*, 19 (1),145 – 168.
- Sodhy, Pamela. (2012). *Malaysia-US relations: Malaysia's foreign policy, continuity & change*. Marshall Cavendish Sdn Bhd.
- Syed Hussein Alatas. (1977). *The Myth of the Lazy Native: A Study of the image of the Malays, Filipinos and Javanese from the 16th to the 20th century and its function in the ideology of colonial capitalism*. Frank Cass.
- Yi, Xiaoxiong. (2005). Chinese foreign policy in transition: Understanding China's peaceful development. *The Journal of East Asian Affairs*, 19(1), 74 – 112.
- Zarkasyi, M. (2012). Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari: Ketokohan dan sumbangannya. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 23(1), 185–218.  
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/25683>

### **Temubual:**

Metodio B Maraguinot Jr. Ahli Parlimen Filipina dan wakil *Leadership Council of the United Nations Sustainable Development Solutions Network*. Tempat: Kuala Lumpur, 9 November 2019.

Dr. Ngeow Chow Bing. Pengarah Institut Kajian China, Universiti Malaya. Tempat: Kuala Lumpur, 9 Disember 2019.

Profesor Dr. Ye Hailin merupakan Pengarah di Center for regional Security Studies Chinese Acedemy of Social Sciences, China. Tempat: Kuala Lumpur, 20 Disember 2019.

Tan Sri Mohamad Jawhar Hassan. Mantan Pengarah Institut Strategi dan Pengajian Antarabangsa Malaysia (ISIS) dan Mantan Ahli Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Tempat: Putrajaya, 18 Disember 2019.

Tan Sri Syed Hamid Albar. Mantan Menteri Luar Malaysia (1999-2008). Tempat: Kuala Lumpur, 20 Disember 2019.

Tan Sri Kadir Mohamad. Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Luar (1996 – 2001) dan Penasihat Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi (2004-2009). Tempat: Cyberjaya, 25 Disember 2019.

Dato' Dr. Chamil Wariya. Ketua Pegawai Esekutif Institut Akhbar Malaysia (MPI), Sarjana Hubungan Antarabangsa dan Pakar Tokoh Kepimpinan Malaysia. Tempat: Cyberjaya, 19 Disember 2019.

Tan Sri Rastam Mohd Isa. Pengarah dan Pengerusi Institut Strategi dan Pengajian Antarabangsa Malaysia (ISIS). Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Luar (2006-2019). Tempat: Kuala Lumpur, 21 November 2019.

Profesor Dr. Vivian Forbes. Profesor di Universiti of Western Australia dan Pakar Isu Laut China Selatan. Tempat: Kuala Lumpur, 5 Ogos 2019.